

PROGRAM MINGGU DESTINI SISWA (MDS): KAJI SELIDIK KEBERKESANAN PROGRAM SECARA HIBRID

THE MINGGU DESTINI SISWA (MDS) PROGRAM: SURVEY ON THE EFFECTIVENESS OF HYBRID PROGRAMS

Putra Darwish Mohd Kamil ¹

Izuan Izzaidi Azmi ^{2*}

Firdaus Chek Sulaiman ³

Adam Luqman Mazufil Hanim ⁴

Muhammad Nor-Al Amin Akram ⁵

Noradzhar Baba ⁶

Nor Aizam Adnan ⁷

Ahmad Nazrin Aris Anuar⁸

Firdaus Mohamad ⁹

¹Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
(E-mail: 2022813108@student.uitm.edu.my)

²Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
(E-mail: izuan124@uitm.edu.my)

³Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
(E-mail: firdaus8145@uitm.edu.my)

⁴Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
(E-mail: 2022@student.uitm.edu.my)

⁵Kolej Kediaman Teratai, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
(E-mail: 2022856486@student.uitm.edu.my)

⁶Kolej Kediaman Anggerik, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
(E-mail: noradzhar@uitm.edu.my)

⁷Kolej Kediaman Melati, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
(E-mail: nor_aizam@uitm.edu.my)

⁸Kolej Kediaman Perindu, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
(E-mail: nazrinaris@uitm.edu.my)

⁹Kolej Kediaman Meranti, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor
(E-mail: firdausmohamad@uitm.edu.my)

*corresponding author

Article history

Received date : 2-8-2024

Revised date : 3-8-2024

Accepted date : 2-9-2024

Published date : 30-9-2024

To cite this document:

Mohd Kamil, P. D., Azmi, I. I., Sulaiman, F. C., Hanim, A. L. M., Mohd Akram, M. N. A., Baba, N., Adnan, N. A., Anuar, A. N. A., & Mohamad, F. (2024). Program Minggu Destini Siswa (MDS): Kaji selidik keberkesanan program secara hibrid. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (66), 261 – 272.

Abstrak: Program Minggu Destini Siswa (MDS) pada sesi September 2023 yang dijalankan secara hibrid adalah satu inisiatif baharu daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Shah Alam dalam melaksanakan orientasi mahasiswa baharu UiTM. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kaedah pengendalian dan isi kandungan program orientasi pelajar baharu dalam Minggu Destini Siswa (MDS) sesi September 2023. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti respon pelajar bagi program yang telah dilaksanakan dan bagaimana kesannya dalam menguruskan pelajar-pelajar baharu yang terpilih bagi permulaan kehidupan di kampus. Tujuan analisis program ini dijalankan adalah untuk membantu pihak pengurusan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) bagi meningkatkan kualiti program yang akan dijalankan pada masa hadapan. Kajian ini dibuat daripada tinjauan yang dilakukan secara soal selidik di platform GoogleForm atas talian iaitu Borang Penilaian Minggu Destini Siswa (MDS) Universiti Teknologi MARA sesi September 2023. Responden bagi tinjauan ini adalah terdiri daripada mahasiswa baharu semester 1 pendaftaran sesi September 2023 seramai 1172 orang pelajar. Kajian ini menganalisis data menerusi kaedah kuantitatif menggunakan perisian SPSS 24. Dapatan kajian dianalisa secara mendalam merangkumi domain Tahap Pemahaman Pelajar Serta Pencapaian Keseluruhan Program MDS dan juga Keberkesanan Kaedah Penyampaian Program MDS Atas Talian. Analisis ini menunjukkan keseluruhannya maklum balas positif yang diberikan oleh mahasiswa baharu UiTM sesi Oktober 2023 – Februari 2024 ini dengan kesemua skornya melebihi daripada 90% bagi perkara yang dinyatakan di atas. Diharap hasil kajian ini dapat menjadi penanda aras dan juga keperluan untuk penambahbaikan program pada masa akan datang berkaitan capaian internet bagi program yang dilaksanakan secara hibrid.

Kata Kunci: *Minggu Destini Siswa, Keberkesanan, Hibrid*

Abstract: The Minggu Destini Siswa (MDS) program for the September 2023 session, conducted in a hybrid format, is a new initiative by the Student Affairs Division of UiTM Shah Alam to carry out orientation for new UiTM students. This study aims to analyze the methods of handling and the content of the orientation program for new students during the September 2023 session of Minggu Destini Siswa (MDS). The main objective of this study is to identify the students' response to the program that has been implemented and how it has impacted the management of the new students selected at the start of their campus life. The purpose of this program analysis is to assist the management of the Student Affairs Division (BHEP) in improving the quality of future programs. This study was conducted based on a survey carried out online using Google Forms: the Minggu Destini Siswa (MDS) Evaluation Form for Universiti Teknologi MARA for the September 2023 session. The respondents for this survey were 1,172 first-semester students enrolled in the September 2023 intake. This study analyzes the data through quantitative methods using SPSS 24 software. The findings are analyzed in-depth, covering the domains of Student Understanding Levels and the Overall Achievement of the MDS Program, as well as the Effectiveness of Online Delivery Methods for the MDS Program. The analysis shows overall positive feedback from the new UiTM students of the October 2023 – February 2024 session, with all scores exceeding 90% for the aspects mentioned above. It is hoped that the results of this study will serve as a benchmark and a necessity for improving future programs, especially regarding internet accessibility for hybrid programs.

Keywords: *Minggu Destini Siswa, Effectiveness, Hybrid*

Pengenalan

Program Minggu Destini Siswa adalah merupakan satu program yang diadakan di seluruh kampus UiTM serata Malaysia untuk meraikan kehadiran pelajar baharu pada setiap permulaan semester. Minggu Destini Siswa (MDS) ini bertujuan untuk memperkenalkan UiTM serta memberi informasi-informasi penting tentang kampus yang didiami untuk menyesuaikan diri pelajar apabila bermulanya sesi kuliah kelak. MDS bagi sesi Oktober hingga Februari 2024 adalah anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Shah Alam yang berlangsung selama 4 hari daripada 25 hingga 29 September 2023. Program ini telah dilaksanakan secara hibrid iaitu melibatkan sesi fizikal di Dewan Tuanku Naib Canselor, UiTM Shah Alam dan juga di platform UFUTURE serta Youtube. Slot pengisian sepanjang MDS ini melibatkan pelbagai unit di UiTM Shah Alam serta Amanat daripada Naib Canselor UiTM.

Kajian Literatur

Program orientasi pelajar khususnya di peringkat universiti telah diterjemahkan oleh Chavez (2015) iaitu satu program khas yang dicipta untuk membantu pelajar-pelajar baharu dalam transisi daripada sekolah menengah, asasi mahupun diploma kepada peringkat yang lebih tinggi di universiti yang terkemuka. Selain itu, 'Association for Orientation, Transition, and Retention in Higher Education' (NODA), persatuan profesional terkemuka untuk program orientasi dan peralihan di Amerika Syarikat juga mendefinisikan program orientasi sebagai satu program berilmiah dalam membantu transisi pelajar ke institusi yang lebih tinggi serta mempersiapkan pelajar dari segi interaksi sosial, intelektual dan juga budaya yang terdapat di sesebuah institusi berkenaan (NODA, 2012).

Kepentingan dan Kesan Program Orientasi di Peringkat Universiti

Program orientasi di peringkat universiti telah dibuktikan bahawa ia akan membantu pelajar daripada pelbagai aspek. Kajian telah mendapati bahawa program orientasi akan memberi impak di dalam transisi pelajaran serta dari segi sosial (Perrine & Spain, 2008). Tambahan lagi, kajian oleh Miller et al. (2002) dan juga Mullendore (1992), menunjukkan bahawa orientasi akan membantu pelajar mendapat impak secara berkesan dalam pergaulan mereka dengan institusi berkenaan.

Antara implikasi program orientasi adalah ia membantu dalam ketersediaan pelajar sebelum bermulanya sesi kuliah. Menurut Upcraft et al. (1993), program ini menyediakan pelbagai peluang untuk pelajar dalam membina matlamat akademik dan juga nilai peribadi yang realistik. Selain itu, pelajar tahun pertama yang mengambil bahagian dalam aktiviti yang melibatkan fakulti atau kolej pengajian dan kakitangan akan lebih cenderung untuk berinteraksi dengan fakulti di luar kelas (Gardner, 2015).

Seterusnya, program orientasi juga adalah berkait dengan kejayaan dan pengekalan pelajar di dalam sesebuah institusi. Antara visi dan misi universiti dalam mengadakan program orientasi adalah untuk mengekalkan pelajar di dalam institusi berkenaan (Miller et al. 2002). Kajian oleh Reason (2009), mencadangkan bahawa pengekalan pelajar telah menjadi matlamat utama institusi pengajian tinggi selama beberapa dekad dan salah satu kaedah yang berkesan untuk mencapai matlamat tersebut adalah melalui program orientasi tahun pertama. Pernyataan ini juga telah disokong oleh Gardner's (2015), iaitu semakin tinggi penglibatan dan kepuasan hati pelajar di dalam program orientasi maka jumlah pelajar berpindah atau berhenti akan menurun disebabkan oleh pengalaman pelajar di dalam program orientasi tersebut.

Justeru itu, program orientasi juga mengekalkan perasaan bersatu padu di dalam kalangan pelajar sepanjang tahun pengajian di universiti masing-masing. (Krause, Hartley, James, & McInnis, 2005, p. 6)

Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk kajian tinjauan menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada para pelajar baharu yang mengikuti program Minggu Destini Siswa (MDS) di UiTM Shah Alam. Sampel kajian ini adalah meliputi mahasiswa baharu semester 1 sesi Oktober 2023 iaitu seramai 1,172 orang. Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah Kaji Selidik Program Minggu Destini Siswa (MDS) sesi September 2023, tinjauan selepas program. Pengagihan soal selidik dilakukan dengan kaedah pensampelan rawak mudah menggunakan 'google-form' atas talian. Instrumen soal selidik ini, terdiri daripada beberapa bahagian yang dinyatakan di dalam Jadual 1 di bawah. Bahagian A mempunyai soalan demografi responden manakala Bahagian B berkaitan dengan Persepsi Pelajar Terhadap Interaksi Program MDS Secara Atas Talian. Bagi Bahagian C, ia merangkumi Persepsi Pelajar Terhadap Kemudahan Aplikasi Dalam Talian dan Akses Internet. Setiap soalan menggunakan skala *Likert* Lima Mata skor dinilai bermula 1: *Sangat Tidak Setuju*, 2: *Tidak Setuju*, 3: *Sederhana Setuju*, 4: *Setuju* dan 5: *Sangat Setuju*.


**Jadual 1: Item di dalam Kaji Selidik Program MDS sesi September 2023
(Selepas Program)**

| BAHAGIAN A: (SOCIO-DEMOGRAFI RESPONDEN) | |
|---|---|
| Jantina | Lelaki, Perempuan |
| Fakulti | Farmasi, Kejuruteraan, Pergigian etc. |
| BAHAGIAN B: (PERSEPSI TERHADAP INTERAKSI PROGRAM MDS SECARA ATAS TALIAN) | |
| Jenis peranti yang digunakan untuk mengakses aplikasi UFUTURE sepanjang program MDS | Telefon Pintar, Komputer Riba, Komputer 'Gaming', Tablet/IPAD & Tiada peranti |
| BAHAGIAN C: (PERSEPSI TERHADAP KEMUDAHAN APLIKASI DALAM TALIAN & AKSES INTERNET) | |
| Program MDS secara atas talian mudah diakses oleh pelajar | Sangat Tidak setuju (1) hingga Sangat Setuju (5) |
| Capaian internet di dalam kampus memuaskan | Sangat Tidak setuju (1) hingga Sangat Setuju (5) |
| Tahap capaian internet sering terganggu semasa program berlangsung | Sangat Tidak setuju (1) hingga Sangat Setuju (5) |
| Platform UFUTURE adalah platform mesra pengguna | Sangat Tidak setuju (1) hingga Sangat Setuju (5) |
| Pelajar mudah memuatnaik tugas ke aplikasi UFUTURE | Sangat Tidak setuju (1) hingga Sangat Setuju (5) |
| UFUTURE sebagai platform terbaik untuk akses kandungan program MDS | Sangat Tidak setuju (1) hingga Sangat Setuju (5) |
| Kepentingan penggunaan Whatsapp dan Telegram semasa MDS | Sangat Tidak setuju (1) hingga Sangat Setuju (5) |

Dapatan Kajian


Sosio-demografik Responden

Kajian ini menganalisis data menerusi kaedah kuantitatif menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Berdasarkan Rajah 1 bilangan responden seramai 1,172 orang pelajar, dapatan kajian menunjukkan pecahan mengikut jantina mendapati bilangan pelajar siswi adalah dominan sebanyak (61.4%) dan selebihnya (38.6%) adalah pelajar siswa.



Rajah 1: Pecahan Jantina Responden Pelajar yang menyertai MDS


Berdasarkan Rajah 2 taburan untuk kolej pengajian/fakulti menunjukkan Kolej Pengajian Kejuruteraan adalah dominan sebanyak (18.3%) diikuti oleh Fakulti Pengajian Pengkomputeran Informasi dan Multimedia (17.2%) dan juga Fakulti Sains Gunaan (15.4%). Selain itu, bagi kolej Pengajian/Fakulti yang lain menunjukkan adalah kurang daripada (10%).



Rajah 2: Pecahan Responden MDS Mengikut Kolej Pengajian/Fakulti

B) Persepsi terhadap kemudahan Aplikasi dalam talian & akses internet


Analisis Rajah 3 iaitu jenis peranti yang digunakan untuk akses aplikasi UFUTURE dikalangan para pelajar, penggunaan telefon pintar adalah mendominasi peranti yang digunakan untuk program MDS secara atas talian dengan sebanyak (55%), diikuti oleh komputer riba sebanyak (32.2%) manakala hanya sebanyak (12.3%) menyatakan mereka menggunakan tablet/pad untuk mengakses program MDS secara atas talian ini.



Rajah 3: Jenis Peranti Yang Digunakan Untuk Akses Aplikasi UFUTURE

C) Persepsi Terhadap Kemudahan Aplikasi Dalam Talian & Akses Internet


Rajah 4 adalah merujuk kemudahan akses program secara atas talian oleh pelajar dan skor tertinggi sebanyak (38.9%) adalah sangat bersetuju diikuti dengan skor yang bersetuju sebanyak (36.9%) adalah bersetuju.



Rajah 4: Kemudahan Akses Program Secara Atas Talian Oleh Pelajar


Seterusnya, Rajah 5 adalah analisis berkaitan tahap capaian internet dalam kampus, menunjukkan skor tertinggi (31.9%) adalah sederhana setuju. Manakala skor kedua tertinggi (26.5%) adalah setuju merupakan maklumbalas daripada responden. Namun sebanyak (22.2%)

menyatakan bahawa capaian internet masih kurang memuaskan dan pihak Infostruktur di UiTM boleh melihat penambahbaikan perkara ini di masa akan datang.




Rajah 5: Tahap Capaian Internet Dalam Kampus

Berdasarkan analisa tahap capaian internet sering terganggu, Rajah 6 menunjukkan skor tertinggi sebanyak (43.7%) adalah sangat bersetuju diikuti skor kedua tertinggi sebanyak (27%) maklumbalas daripada responden yang mengikuti Program Minggu Destini Siswa (MDS).




Rajah 6: Tahap capaian internet adalah sering terganggu

Selain itu, analisa Rajah 7 menunjukkan platform UFUTURE adalah mesra pengguna dengan skor tertinggi sebanyak (42%) adalah setuju manakala (30.7%) responden memilih sangat setuju merupakan skor kedua tertinggi. Analisa Rajah 8 menyatakan pelajar mudah untuk memuat naik tugas ke aplikasi UFUTURE dengan maklumbalas setuju sebanyak (40.1%) adalah skor tertinggi. Skor kedua tertinggi adalah (27.4%) adalah responden memilih sangat setuju.




Rajah 7: Platform UFUTURE adalah platform mesra pengguna




Rajah 8: Pelajar Mudah Untuk Memuatnaik Tugas Ke Aplikasi UFUTURE

Analisa Rajah 9 merujuk kepada maklumbalas berkenaan program yang dijalankan secara atas talian iaitu melalui platform UFUTURE bahawa ianya adalah platform terbaik sebanyak (41%) skor tertinggi bersetuju. Seterusnya, skor kedua tertinggi (31.9%) adalah sangat bersetuju yang dipilih responden.



Berdasarkan Rajah 10, penggunaan whatsapp dan telegram semasa Minggu Destini Siswa (MDS), skor tertinggi adalah sebanyak (67.6%) menyatakan sangat bersetuju diikuti skor kedua tertinggi adalah (25.2%) bersetuju melalui maklum balas responden. Fungsi medium aplikasi ini membantu memudahkan para pelajar untuk berkomunikasi dan mendapatkan informasi daripada urusetia program.



Rajah 10: Penggunaan Whatsapp Dan Telegram Semasa MDS

Perbincangan Dapatan Kajian

Penemuan kajian menunjukkan demografi responden mahasiswa baharu UiTM adalah didominasi oleh pelajar siswi sebanyak (61.4%) dan selebihnya (38.6%) adalah pelajar siswa. Trend ini adalah normal dimana kajian oleh Kementerian Pendidikan Tinggi telah menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang mendaftar di UiTM sejak tahun 2020, bilangan pelajar siswi telah melangkaui pelajar siswa dengan perbezaan sebanyak 22,000 orang pelajar.

Berikutan dengan itu, sebanyak (18.4%) mahasiswa merangkum majoriti pelajar yang menghadiri MDS sesi Oktober 2023 adalah terdiri daripada mahasiswa Kolej Pengajian Kejuruteraan diikuti oleh Fakulti Pengajian Pengkomputeran Informasi dan Multimedia (17.2%) dan juga Fakulti Sains Gunaan (15.4%). Selain itu, bagi kolej Pengajian/Fakulti yang lain menunjukkan adalah kurang daripada (10%). Hasil kajian ini adalah tidak asing kerana kajian oleh Kementerian Pendidikan Tinggi juga menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang mengikuti bidang kejuruteraan telah mencecah serama 35,435 orang pelajar berbanding 29,171 pelajar Sains dan Pengkomputeran serata Universiti Awam di Malaysia.

Seterusnya, berdasarkan daripada maklumat responden, dapat dirangkumkan bahawa mahasiswa baharu yang menjalani program MDS atas talian majoriti menggunakan telefon pintar sebanyak (55%) sebagai medium utama untuk menghadiri program ini diikuti oleh komputer riba sebanyak (32.2%) manakala hanya sebanyak (12.3%) menyatakan mereka menggunakan tablet/pad. Ini juga merupakan antara dapatan yang terbaik kerana telah terbukti bahawa kesemua mahasiswa tidak mempunyai masalah peranti untuk mengakses aplikasi UFUTURE.

Tambahan lagi, sebanyak (38.9%) adalah sangat bersetuju diikuti dengan (36.9%) adalah bersetuju bahawa program MDS atas talian adalah mudah diakses. Hal ini, jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan MDS secara hibrid adalah wajar dan tidak akan menimbulkan apa-apa isu berkenaan dengan kekangan pelajar daripada segi ketersediaan peranti serta kemudahan akses pelajar.

Seterusnya, melalui soalan yang disediakan, tahap capaian internet di kampus juga adalah memuaskan iaitu dengan (31.9%) adalah sederhana setuju, manakala skor kedua tertinggi (26.5%) adalah setuju. Namun sebanyak (22.2%) menyatakan bahawa capaian internet masih kurang memuaskan dan pihak Infostruktur di UiTM boleh melihat penambahbaikan perkara ini di masa akan datang. Akan tetapi, seramai sebanyak (43.7%) adalah sangat bersetuju diikuti sebanyak (27%) bersetuju bahawa capaian internet sering terganggu semasa program berlangsung adalah satu perkara yang membimbangkan. Berikutan dengan ini, dapatan kajian adalah wajar kerana capaian internet adalah berlainan mengikut lokasi dan geografi pelajar dimana ia membuktikan bahawa pihak Infostruktur UiTM perlu mengenalpasti punca yang menyebabkan capaian internet terganggu di sekitar kampus.

Selain daripada itu, apabila menyentuh tentang aplikasi UFUTURE, taburan pelajar jelas menyatakan bahawa ia adalah satu platform yang sangat baik dan lancar dalam melaksanakan program MDS. Majoriti pihak responden telah bersetuju sebanyak (42%) manakala (30.7%) responden memilih sangat setuju iaitu UFUTURE adalah platform yang mesra pengguna. Seterusnya, sebanyak (40.1%) bersetuju diikuti oleh skor kedua tertinggi sebanyak (27.4%) sangat setuju platform UFUTURE juga adalah mudah untuk memuat naik tugas yang berkaitan sepanjang program MDS berlangsung. Tambahan lagi, para pelajar juga berpendapat bahawa UFUTURE adalah platform terbaik untuk mengakses kandungan program MDS iaitu sebanyak (41%) bersetuju dan (31.9%) adalah sangat bersetuju yang dipilih responden. Rentetan dengan ini, dapatan kajian ini telah menyumbang kepada faktor-faktor yang menjadikan pelaksanaan program MDS secara hibrid adalah berkesan kerana terdapat satu platform yang terbaik iaitu UFUTURE untuk menganjurkan program ini secara hibrid.

Akhir sekali, program ini dijalankan secara hibrid, masih memerlukan komunikasi antara dua hala antara pelajar dan urusetia MDS, pelajar berpendapat bahawa *Whatsapp* dan *Telegram*

adalah penghubung terbaik sepanjang program MDS iaitu sebanyak (67.6%) menyatakan sangat bersetuju diikuti skor kedua tertinggi adalah (25.2%) bersetuju melalui maklum balas responden. Bouhnik & Deshen (2014), juga berpendapat bahawa *WhatsApp* memudahkan komunikasi dua hala dengan kemudahan untuk menghantar gambar, audio dan juga video dalam menyebarkan informasi penting dengan lebih pantas. Tambahan lagi, kajian oleh Mohammad Nizam et. al (2016) daripada UiTM Pulau Pinang juga telah membuktikan bahawa pelajar bersetuju dengan penggunaan *Telgram* telah memudahkan serta menjadikan proses pembelajaran lebih efektif dengan perkongsian informasi dan komunikasi yang efektif dan pantas.

Cadangan Penambahbaikan

Berdasarkan analisis dapatan kajian, pihak UiTM perlu menambah baik perkhidmatan internet di kampus UiTM Shah Alam. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti peserta MDS mempunyai gangguan capaian internet semasa program berlangsung. Antara cadangan untuk penambahbaikan adalah membuat penyelenggaraan menyeluruh perkhidmatan internet dari aspek fizikal hingga digital. Penambahbaikan ini adalah amat penting kerana program MDS akan dijalankan pada setiap semester, 2 kali setahun dan juga merupakan tanggapan pertama pelajar baharu terhadap pengoperasian yang efektif di UiTM. Oleh itu, pihak Infostruktur UiTM perlu segera menangani isu ini dalam memastikan program MDS berjalan lancar pada masa akan datang.

Selain itu, pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) juga boleh menambah variasi medium yang akan digunakan semasa program MDS akan datang. Aplikasi *UFUTURE* telah menjadi satu medium yang mampan dan terbaik untuk pelajar baharu mengahdiri dan melibatkan diri di dalam program ini. BHEP boleh meluaskan aktiviti dengan menggunakan aplikasi *Youtube*, *Tiktok*, *Padlet*, *Kahoot*, dan juga *Quizizz* dalam melibatkan pelajar secara langsung di dalam program MDS ini samada secara fizikal mahupun atas talian. Kepelbagaian aplikasi ini adalah percuma untuk dimuat naik, ia juga adalah selari dengan trend pelajar pada masa ini bagi kecenderungan aktiviti yang lebih menarik. Cadangan ini juga boleh disokong oleh dapatan kajian yang merujuk kepada pelajar tidak mempunyai masalah dari segi peranti untuk memuat naik aplikasi tersebut. Oleh itu, penggunaan medium yang lain juga adalah digalakkan dalam memastikan program MDS secara hibrid lebih berkesan.

Kesimpulan

Keseluruhannya, analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa respon yang diberikan adalah amat baik dan ini menunjukkan pelaksanaan program Minggu Destini Siswa (MDS) Universiti Teknologi MARA secara hibrid adalah berjaya dan berkesan. Namun ada beberapa cadangan penambahbaikan yang telah diberikan dan sebagai rujukan pihak universiti untuk meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan program MDS di masa hadapan.

Pengiktirafan

Pihak penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Majlis Pengetua-pengetua Kolej Kediaman UiTM Shah Alam atas memberikan keizinan dalam mengakses serta menafsir data yang telah dikumpul semasa program Minggu Destini Siswa sesi Oktober 2023 – Februari 2024. Selain itu, penulis juga merakamkan penghargaan kepada Pemimpin Minggu Destini Siswa (PMDS) yang berdedikasi dalam menjayakan Minggu Destini Siswa (MDS) dan seterusnya para pelajar baharu sebagai responden yang telah menyumbang kepada hasil dapatan kajian.

Rujukan

- Bouhnik, D., Deshen, M. (2014). WhatsApp goes to school: Mobile instant messaging between teachers and students. *J. Inf. Technol. Educ. Res.* 13, 217–231. <http://www.jite.org/documents/Vol13/JITEv13ResearchP217-231Bouhnik0601.pdf>
- Chavez, K. (2015). First-year seminars: Gateway to success at Carolina. Retrieved from <http://fys.unc.edu/first-year-seminars-gateway-to-success-at-carolina/>
- Evensen, Katie. (2017). Benefits and level of satisfaction a first-year orientation program delivers for freshmen in college. Master of Arts in Higher Education (MAHE) Theses. 92. <https://pillars.taylor.edu/mahe/92>
- Gardner, J. N. (2015, February 7). An evening with John Gardner [PowerPoint slides]. 34th Annual Conference on the First-Year Experience, Dallas, TX. Retrieved from <http://www.sc.edu/fye/events/presentation/annual/2015handoutsAn%20Evening%20with%20John%20Gardner.pdf>
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2021). *Statistik Pendidikan Tinggi 2021* [Data set]. <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/statistik/2021-1/857-statistik-pendidikan-tinggi-2021/file>
- Konetes, G.; McKeague, M. The effects of social networking sites on the acquisition of social capital among college students: A pilot study. *Glob. Media J.* 2011, 11, 1–10. <https://www.globalmediajournal.com/open-access/the-effects-of-social-networking-sites-on-the-acquisition-of-social-capital-among-college-students-a-pilot-study.pdf>
- Krause, K. L., Hartley, R., James, R., & McInnis, C. (2005). The first year experience in Australian universities: Findings from a decade of national studies (Research Report). Retrieved from https://www.griffith.edu.au/_data/assets/pdf_file/0006/37491/FYEReport05.pdf
- Miller, M. T., Dyer, B. G., & Nadler, D. P. (2002). New student satisfaction with an orientation program: Creating effective learning transitions. *The Journal of College Orientation and Transition*, 10(1), 51–57. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/234675306_New_Student_Satisfaction_with_a_n_Orientation_Program_Creating_Effective_Learning_Transitions
- Muhammad, N, I., Emilia, N., Mohd, H, A., Zainal, H., & Ali, B,. (2016). Teaching and Learning Enhancement Based on Telegram Social Media Tool. *Jurnal Intelek*, 11(1): 7-1. ISSN 2231-7716.
- Mullendore, R. H. (1992). Student based programming in orientation. In D. P. Nadler (Ed.), *Orientation director's manual* (pp. 43–52). Statesboro, GA: National Orientation Director's Association.
- NODA OTR definitions. (2012). NODA: Association for Orientation, Transition, and Retention in Higher Education. https://www.nodaweb.org/page/otr_definitions
- Perrine, R. M., & Spain, J. W. (2008). Impact of a pre-freshman college orientation program: Hidden benefits? *Journal of College Student Retention: Research, Theory, and Practice*, 10, 155–169. doi:10.2190/CS.10.2.c
- Reason, R. D. (2009). An examination of persistence research through the lens of a comprehensive conceptual framework. *Journal of College Student Development*, 50, 659–682. doi:10.1353/csd.0.0098
- Upcraft, L. M., Mullendore, R. H., Barefoot, B. O., & Fidler, D. S. (Eds.). (1993). *Designing successful transitions: A guide for orienting students to college* (Mon. 13). Columbia, SC: National Resource Center for the Freshman Year Experience.